

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sama ada Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) yang akan tamat pada tahun ini akan diteruskan. Apakah penambahbaikan dan dana akan diperuntukkan dalam fasa kedua.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam usaha untuk mengurangkan tekanan ke atas hutan asli sebagai sumber bahan mentah dan untuk memastikan ketersediaan berterusan bagi industri kayu tempatan, Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH). Program PPLH telah dilaksanakan bermula pada tahun 2007 dengan kelulusan dasar bagi pinjaman mudah dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.045 bilion. Ia bertujuan untuk membiayai pinjaman mudah (*soft loan*) kepada syarikat-syarikat swasta, koperasi dan agensi Kerajaan yang layak untuk melaksanakan PPLH di Malaysia dengan sasaran keluasan tanaman sebanyak 130,000 hektar pada tahun 2020.

Kementerian akan meneruskan program PPLH bagi memastikan kelestarian sumber bahan mentah sektor perkayuan. Bagi tujuan ini sejumlah RM500 juta telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia ke-12

(RMKe-12) bagi pelaksanaan Skim Pinjaman PPLH Bersaiz Besar dan Sederhana yang mensasarkan pembangunan ladang hutan seluas 50,000 hektar lagi.

Selain itu, beberapa penambahbaikan juga akan dilaksanakan dalam program fasa kedua ini. Antara penambahbaikan yang akan dilaksanakan adalah:

- i. tempoh matang pinjaman dipendekkan bagi membolehkan lebih ramai yang akan mendapat manfaat ;
- ii. kawasan hutan terosot akan diberi keutamaan;
- iii. pinjaman patuh Syariah akan dilaksanakan; dan
- iv. pinjaman ditukarkan kepada *revolving fund* supaya program PPLH dapat dilaksanakan secara berterusan.

Penambahan spesis yang bersesuaian mengikut keperluan industri juga telah dibuat. Antara spesies baru yang disenaraikan adalah *Paulownia spp* dan *Eucalyptus spp* serta semua spesis komersil buluh. Spesis-spesis ini dipilih berdasarkan kepada kriteria spesies yang cepat besar dan boleh dituai bermula tahun keempat hingga tahun kelima belas. Kementerian juga akan sentiasa menambah baik PPLH berdasarkan keperluan semasa.